

Isu tahanan rumah Najib

# Pertimbangan dibuat selepas kes 1MDB selesai

## PM beri jaminan kuasa Seri Paduka tak akan sesekali diketepikan

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Anwar Ibrahim berpandangan bahawa Yang di-Pertuan Agong hanya perlu mempertimbangkan tahanan rumah kepada bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak selepas kes 1Malaysia Development Berhad (1MDB) selesai.

Perdana Menteri berkata, syornya itu hanya akan dikemukakan sekiranya ia diminta oleh Seri Paduka Baginda.

Menjelaskan demikian ketika wawancara dengan Bloomberg pada Forum Ekonomi Qatar (DEF) 2024 di Doha, kelmarin,

Anwar memberi jaminan, kuasa Yang di-Pertuan Agong tidak akan sesekali diketepikan:

“Jika Agong meminta nasihat saya, saya akan berkata, Tuan-ku, lalu proses itu,” katanya dalam slot khas *In Conversation With the Prime Minister of Malaysia* yang dikendalikan Ketua Korresponden Antarabangsa Asia Tenggara Bloomberg Television, Haslinda Amin sebagai moderator.

Perdana Menteri berpendirian, semua pihak harus menumpukan kepada prosiding kes 1MDB yang sedang berjalan, berbanding isu tahanan rumah untuk Najib seperti dibangkitkan mutakhir ini.

“Akhirnya Agong yang akan membuat keputusan. Saya sebagai Perdana Menteri tidak akan melangkahi (kuasa) Agong,” katanya.

Pada 1 April lalu, Najib, 70, memfailkan permohonan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur untuk mendapatkan kebenaran semakan kehakiman

mencabar kewujudan Titah Adendum atau titah tambahan Yang di-Pertuan Agong ke-16.

### Cabar Titah Adendum

Susulan itu, Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi memfailkan affidavit selaku ‘saksi kritikal’ yang mengikrarkan affidavit bagi menyokong permohonan Najib mendapatkan kebenaran semakan kehakiman mencabar kewujudan Titah Adendum itu.

Menerusi affidavit diikrarkan Ahmad Zahid pada 9 April, beliau dimaklumkan mengenai kewujudan titah itu oleh Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Datuk Seri Tengku Zafrul Tengku Abdul Aziz ketika pertemuan di rumah Presiden UMNO di Country Heights, Kajang, pada 30 Januari lalu.

Titah Adendum berkenaan supaya bekas Perdana Menteri itu menjalani tempoh pemenjaraan selama enam tahun di rumah.

Dalam wawancara itu, Anwar

juga menjelaskan, bekas Ahli Parlimen Pekan itu masih kekal menjalani hukuman di penjara sepanjang rayuannya didengari.

“Sudah tentu dia ada hak untuk mengemukakan rayuannya kepada lembaga pengampunan. Saya nasihat kepada Agong supaya juga pertimbang proses (rayuan) ini kepada semua kes yang melibatkan rakyat Malaysia, yang memohon (pengampunan),” katanya.

Anwar turut berkata, beliau sudah memberikan Najib segala kemudahan yang ada di penjara.

Beliau juga menolak dakwaan kononya pentadbirannya sedang bergolak, terutama mengenai gesaan supaya Najib diberikan tahanan rumah.

Tegasnya, kemenangan calon Kerajaan Perpaduan baru-baru ini dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Kuala Kubu Bharu adalah bukti kestabilan kerajaannya.

“Kami menang dengan selesai. Ini bermakna, sekali lagi, jangan pandang rendah kebijaksanaan orang ramai,” katanya.

## ‘Isu mungkin dibincang selepas PM pulang’

**Putrajaya:** Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil tidak menolak kemungkinan isu tahanan rumah Datuk Seri Najib Razak akan dibincangkan Jemaah Menteri selepas Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pulang daripada lawatan rasminya.

Fahmi yang juga Juru-cakap Kerajaan Perpaduan berkata, isu terbabit bagaimanapun tidak disentuh langsung pada mesyuarat Kabinet yang dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, semalam.

“Tidak ada bincang, mungkin masa Perdana Menteri kembali ke tanah air minggu depan.

“Tetapi, saya percaya apa yang dikatakan mengikut proses (pandangan Perdana Menteri bahawa pertimbangan selepas kes 1MDB), itu yang beliau sebut,” katanya pada sidang media di sini, semalam.